


Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. **A, B, C** atau **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

- 1 Antara yang berikut, yang manakah merupakan aktiviti berasaskan perkhidmatan?
 - A Perusahaan Kicap ABC Enterprise
 - B Perniagaan Elektrik Seng Sdn Bhd
 - C Perusahaan Kerepek Mooni Enterprise
 - D Perniagaan Siti Travel Sdn Bhd
- 2 Gambar 1 berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Mengapakah Messy memilih untuk membuka perniagaan tersebut?

- A Perniagaan tidak berterusan
- B Perniagaan boleh berkongsi kepakaran
- C Pemilik menanggung liabiliti tidak terhad
- D Pemilik mempunyai kawalan secara langsung ke atas perniagaan.

- 3 Gambar 2 menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh Encik Mustaffa



Apakah sektor perniagaan yang diceburi oleh Encik Mustaffa?

- A Sektor Utama
B Sektor Kedua
C Sektor Tertier.
D Sektor Sekunder
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkhidmatan berdasarkan saiz.

I	II
Jualan tahunan RM 300,000 hingga kurang daripada RM 3 juta.	Bilangan pekerja tetap 30 orang hingga kurang daripada 75 orang.

Klasifikasi saiz manakah yang tepat?

	I	II
A.	Kecil	Sederhana
B.	Kecil	Besar
C.	Sederhana	Besar
D.	Besar	Kecil

- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Husni, seorang pengusaha kilang kerepek.

Encik Husni ialah seorang pengusaha kilang kerepek di Bagan Serai, Perak. Beliau menghasilkan pelbagai jenis kerepek yang diedarkan melalui pemborong ke seluruh negeri Perak. Beliau menggaji seramai 16 orang pekerja tetap. Hasil jualan tahunannya adalah sebanyak RM 750,000.

Klasifikasikan saiz dan skala perniagaan Encik Husni .

	Saiz	Skala
A.	Besar	Negeri
B.	Sederhana	Tempatan
C.	Kecil	Negeri
D.	Kecil	Kebangsaan



- 6 Gambar 3 menunjukkan logo sebuah agensi bahagian perkembangan aktiviti perniagaan.



Gambar 3

Apakah peranan agensi kerajaan tersebut?

- I. Menerajui pergerakan produktiviti dan kualiti.
 - II. Mencari dan membangunkan kawasan perdagangan baharu
 - III. Menemukan pengeksport Malaysia dengan pengimport dari luar negara
 - IV. Merancang kuantiti dan kualiti pengeluaran produk untuk perniagaan.
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Gambar 4 di bawah berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.




Gambar 4

Pernyataan yang manakah merupakan peranan agensi kerajaan di atas?

- A Menyediakan sumber kewangan kepada usahawan
- B Mempromosikan aktiviti perniagaan di Malaysia
- C Membuat penyelidikan dan pembangunan produk
- D Menjamin kedudukan kewangan pencarum pada usia tua



- 8 Rajah 1 menunjukkan trend persekitaran perniagaan bagi Syarikat Wheel Industry Sdn Bhd bagi tahun 2017-2018.



Rajah 1

- Apakah faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya trend tersebut?
- A Pengurusan sumber manusia yang baik.
- B Pasaran Ekonomi berkembang pesat.
- C Sosiobudaya masyarakat yang baik.
- D Sistem perundangan yang adil.
- 9 Apakah faktor luaran yang mempengaruhi tren persekitaran sesebuah perniagaan?
- A Teknologi Maklumat
- B Sosiobudaya
- C Pemasaran
- D Sumber manusia
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Kerajaan Pusat dari aspek perundangan.

Perniagaan perlu mengeluarkan produk yang sesuai dengan tujuan penggunaan seperti makanan yang tidak mengandungi pengawet yang boleh menjejaskan kesihatan

Matlamat undang-undang perlindungan pengguna berkaitan dengan

- A Hak mendapat alam sekitar yang bersih dari pencemaran
- B Hak mendapatkan ganti rugi jika ada penipuan oleh peniaga
- C Hak mendapat perlindungan dari perniagaan yang mengancam kesihatan
- D Hak mendapat keselamatan dari amalan dan perkhidmatan yang tidak selamat

- 11 Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan?
- A Teknologi
 - B Kewangan
 - C Demografi
 - D Sosiologi


- 12 Pernyataan berikut berkaitan dengan faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

IKEA Asia Tenggara mengumumkan jalinan kontrak bersama Phoenix Solar Sendirian Berhad yang bertanggungjawab mereka bentuk dan membina sistem solar di atas bumbung premis perniagaan untuk memastikan perniagaannya kekal berdaya saing dengan imej yang baik dalam jangka masa yang panjang.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah faktor luaran yang mempengaruhi syarikat IKEA menjalankan kontrak bersama Phoenix Solar?

- A Sosiobudaya masyarakat yang harmoni
 - B Penggunaan teknologi yang terkini
 - C Sumber kewangan yang mantap
 - D Persaingan perniagaan yang baik
- 13 Apakah maksud visi perniagaan?
- A Penetapan jangka masa panjang sesebuah organisasi
 - B Pernyataan ringkas menjelaskan tujuan sesebuah organisasi
 - C Pembentukan maklumat yang lebih khusus dalam organisasi
 - D Penetapan aktiviti perniagaan dalam sesebuah organisasi.
- 14 Visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan ditetapkan supaya menjadi panduan kepada pihak pengurusan dalam mencapai tujuan perniagaan.
Pilih faktor yang manakah perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan?
- I Pertumbuhan
 - II Jualan
 - III sosiekonomi
 - IV Teknologi maklumat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Berikut adalah misi sebuah organisasi kerajaan di Malaysia.



Mengapakah setiap organisasi perlu menetapkan misi?

- I Menerangkan aktiviti yang sedang dijalankan oleh organisasi
 - II Mendorong semua pihak terlibat dalam mencapai sasaran syarikat
 - III Memudahkan kefahaman semua pihak dalam usaha mencapai sasaran
 - IV Memudahkan pihak pengurusan mengagihkan sumber dalam organisasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan fungsian jualan?
- I Mewujudkan permintaan terhadap produk
 - II Menghantar barang jualan kepada pelanggan
 - III Membuat aktiviti jualan secara bersemuka atau dalam talian
 - IV Menyediakan sebut harga barang yang dikehendaki kepada pelanggan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 17 Gambar di bawah menunjukkan aktiviti yang dijalankan di sebuah syarikat telekomunikasi.



Bahagian manakah yang menjalankan aktiviti di atas?

- A Bahagian Fungsian Pentadbiran
 - B Bahagian Fungsian Pengeluaran
 - C Bahagian Fungsian Khidmat Pelanggan
 - D Bahagian Fungsian Penyelidikan dan Pembangunan
- 18 Apakah tujuan bahagian fungsian pentadbiran?
- A Merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal demi mencapai matlamat organisasi
 - B Menyelaras aktiviti organisasi bagi mencapai matlamat organisasi
 - C Menjalankan aktiviti sokongan untuk seluruh organisasi
 - D Merancang kewangan organisasi
- 19 Gambar di bawah berkaitan dengan aplikasi teknologi maklumat.



Bagaimanakah penggunaan teknologi maklumat ini dapat mengintegrasikan bahagian-bahagian fungsian dalam perniagaan?

- A Mengawal keselamatan sistem komputer
- B Mengurangkan gangguan dalam sistem komunikasi
- C Meningkatkan komunikasi yang baik pekerja dan majikan
- D Menghantar maklumat perniagaan dengan cepat dan mudah

- 20 Apakah kepentingan perniagaan mengadakan hubungan dan interaksi dengan organisasi luar?
- I Menjalinkan Kerjasama strategik
 - II Mewujudkan jaringan perniagaan
 - III Meningkatkan imej perniagaan
 - IV Menguasai syer pasaran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 21 Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia?
- A Usaha untuk membangunkan tenaga kerja dalam organisasi
 - B Usaha untuk membina imej yang baik dalam organisasi
 - C Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan
 - D Usaha untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem pentadbiran
- 22 Antara yang berikut, yang manakah merupakan aspek pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan yang mampan?
- A Kemahiran kebolehkerjaan
 - B Latihan Peningkatan kemahiran
 - C Struktur Organisasi
 - D Prestasi pasukan
- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.

Pekerja yang tidak mematuhi peraturan dan prosedur syarikat akan di ambil tindakan tegas oleh maiikan.

Apakah aspek yang terlibat.

- A Sistem penggajian
- B Latihan dan kemahiran
- C Penghargaan dan hukuman
- D Penempatan pekerja dan fasiliti



24 Gambar berikut menunjukkan contoh sumber teknologi.



Mengapakah sumber teknologi tersebut perlu mendapat pengurusan hak cipta terpelihara?

- A Menjaga hasil ciptaan daripada ancaman cetak rompak tanpa kebenaran
 - B Mengelakkan hasil ciptaan dari penggunaan tanpa kebenaran dari pihak lain
 - C Melindungi hasil ciptaan supaya tidak salah guna untuk kepentingan pihak lain
 - D Menggalakkan hasil ciptaan untuk menambah pengeluaran lebih banyak.
- 25 Gambar di bawah berkaitan dengan prosedur mengurus sumber teknologi.



Apakah tindakan perniagaan tersebut untuk melindungi produknya daripada ditiru oleh perniagaan lain?

- A Mendaftar paten
- B Mendaftar cap dagangan
- C Mendaftar lesen perniagaan
- D Mendaftar hak cipta terpelihara

- 26 Antara yang berikut, yang manakah merupakan karya yang layak mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987?
- I Karya lagu
 - II Karya seni
 - III Karya muzik
 - IV Karya lirik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 27 Mengapakah sumber fizikal dan sumber teknologi sangat penting dalam sesebuah perniagaan?
- A Memudahkan operasi perniagaan berjalan dengan lancar dan cekap
 - B Melindungi perniagaan daripada sebarang risiko
 - C Membantu membuat keputusan dengan tepat
 - D Melindungi nama baik perniagaan
- 28 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan perniagaan MK Tshirt Printing Sdn.Bhd.

Perniagaan MK Tshirt Printing Sdn.Bhd menyewa mesin pencetak dari salah sebuah syarikat di Johor Bahru kerana tidak mampu memilikinya

Apakah sumber pembiayaan yang digunakan oleh Perniagaan MK Tshirt Printing Sdn.Bhd?


- A Sewa beli
- B Pajakan
- C Overdraf
- D Pemfaktoran

- 29 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan perniagaan

'Puan Suriani memulakan perniagaan kedai bunganya dengan menggunakan wang simpanan sendiri.'

Apakah kekurangan menggunakan sumber pembiayaan tersebut?

- A Modal terhad
 - B Persaingan sengit
 - C Faedah yang tinggi
 - D Memerlukan cagaran
- 30 Rajah menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan dari Agensi Kerajaan MARA.




Apakah prosedur yang sesuai bagi P?

- A Menyediakan rancangan perniagaan
 - B Mendapatkan khidmat nasihat
 - C Membayar yuran yang sewajarnya
 - D Menyemak keperluan perniagaan
- 31 Antara yang berikut, yang manakah merupakan pihak berkepentingan yang memerlukan penyata kewangan perniagaan?
- I Pekerja
 - II Pemegang Saham
 - III Pemiutang
 - IV Penghutang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 32 Antara berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan ?
- I Meningkatkan jumlah keuntungan
 - II Menilai kekuatan perniagaan
 - III Meramal kemampuan perniagaan
 - IV Mengukur prestasi perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Rajah menunjukkan titik pulang modal Perniagaan Keropok Lekor Kami yang beroperasi di Kg Cahaya Baru, Pasir Gudang.



- Apakah kesan kepada Perniagaan Keropok Lekor Kami sekiranya pengeluaran berada di kawasan berlorek?
- A Perniagaan akan mendapat keuntungan
 - B Perniagaan tidak mendapat keuntungan
 - C Perniagaan akan mendapat keuntungan maksimum
 - D Perniagaan tidak mendapat keuntungan atau kerugian
- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian seorang usahawan.

Seorang pemaju perumahan pernah mengalami kegagalan semasa kegawatan ekonomi tetapi beliau masih berusaha untuk menyiapkan projek yang terbengkalai. Beliau menghadapi kemungkinan perumahan tersebut tidak dapat dijual dan terpaksa menanggung kerugian

- Berdasarkan pernyataan di atas, apakah ciri-ciri keperibadian usahawan tersebut?
- A Tabah
 - B Berani mengambil risiko
 - C Pandai mengambil peluang
 - D Berinisiatif dan bertanggungjawab

- 35 Antara yang berikut yang manakah bukan satu kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek keberuntungan perniagaan?
- A Memantapkan imej perniagaan
B Melaksanakan tanggungjawab sosial
C Memberi kepuasan diri
D Meluaskan pasaran
- 36 Maklumat berikut berkaitan bentuk pemilikan perniagaan.

- Bilangan pemegang syer sehingga 50 orang
- Menggunakan perkataan "Sendirian" sebagai sebahagian nama kedainya

Apakah akta berkaitan dengan penubuhan perniagaan tersebut?

- A Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2016
B Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
C Akta Koperasi 1993
D Akta Syarikat 2016
- 37 Dokumen perniagaan berikut diterima oleh Kedai Pakaian Annur setelah menerima barang-barang yang telah dipesannya.

INVOIS					No: 7575
Pemberong Pakaian Ceria Sdn Bhd. 12, Jalan Mural 51200 Kuala Lumpur. Tel: 03-40454077. Fax 03-40454177					Tarikh: 15/07/2020
Kepada, Kedai Pakaian Annur, 3 Lorong Putih, 16150 Kota Bharu, Kelantan.					
No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	
W 053	Pakaian kanak-kanak	100 pasang	RM15.00	RM1,500.00	
W 075	Baju kurung wanita	100 pasang	RM60.00	RM6,000.00	
HARGA KASAR					RM7,500.00 X
Niaga				Tolak 20% Diskaun	20%
HARGA BERSIH					=RM1,500.00
					RM6,000.00
Syarat Serahan: 10% 15 hari. 5% 30 hari. K & K di K					
					Suriani, Pengurus

Pilih pernyataan yang benar tentang dokumen di atas.

- A Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara tunai
B Dokumen yang mengandungi senarai pembelian secara kredit
C Dokumen yang mengesahkan bahawa jumlah bayaran telah diterima
D Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun semasa

38 Apakah yang dimaksudkan dengan jualan?

- A Aktiviti merangka strategi bagi menyalurkan produk kepada pengguna
- B Aktiviti pertukaran hak milik sesuatu produk antara penjual dengan pembeli
- C Aktiviti menentukan kaedah yang berkesan bagi menyalurkan produk
- D Aktiviti pengagihan produk bagi memuaskan kehendak pengguna

39 Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?

- A Dokumen bertulis yang menerangkan tentang perniagaan
- B Dokumen perniagaan yang menunjukkan urus niaga perniagaan yang telah berlaku
- C Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
- D Dokumen bertulis yang menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi dan objektif perniagaan

40 Maklumat berikut berkaitan butiran dalam Ringkasan Eksekutif.

Maklumat Pemilik	Nama Perniagaan
Modal Permulaan	Alamat Perniagaan
X	Y
Kegiatan utama produk/perkhidmatan	

X dan Y ialah

	X	Y
A	Bentuk Perniagaan	Jenis Produk
B	Jenis Perniagaan	Jenis Produk
C	Bentuk Perniagaan	Nombor Pendaftaran
D	Jenis Perniagaan	Nombor Pendaftaran

KERTAS SOALAN TAMAT

